

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[MAD FAR'I THEORY FROM THE QIRAAT KNOWLEDGE PERSPECTIVE]

TEORI HUKUM MAD FAR'I DARI PERSPEKTIF ILMU QIRAAT

FELZA ZULHIBRI ABD HAMID^{1*}
NOR HAFIZI YUSOF²

¹Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin

*Corresponding author: zulhibri@gmail.com

Received Date: 7 January 2018 • Accepted Date: 28 April 2018

Abstract

The theory of mad far'i was created by qurra' to ensure the lengthenings of any mad are within the guides outlined in mutawatirah readings. However, there is still confusion in terms of the genuine theory of mad far'i among the Muslim community, especially in Malaysia. It is due to the limitation of knowledge that based only on the reading of Hafs bin Sulayman al-Kufi, whereas the knowledge includes the overall ikhtiyar of the mutawatirah imams. Therefore, this study aims to explore the genuine theory of mad far'i based on the overall ikhtiyar of the mutawatirah imams. It also targets to reveal that the knowledge of tajwid should also be based on the knowledge of qiraat. This descriptive study discusses the views of qurra' with regard to mad far'i and its conclusion that leads to the outcome of the rules. All data are analysed using inductive and deductive approaches. The findings reveal that the understanding of the theory of mad far'i needs a comprehensive knowledge on the ikhtiyar of the mutawatirah imams on the lengthenings of mad far'i. If the theory of mad far'i is only based on the reading of Hafs bin Sulayman al-Kufi, it especially limits the overall knowledge of the reading itself and generally the overall various mutawatirah readings.

Keywords: Mad Far'i, Qiraat, Mutawatirah, al-Quran, Knowledge of Tajwid

Abstrak

Teori hukum *mad far'i* adalah satu kaedah yang dicipta oleh para *qurra'* dalam memastikan kadar pemanjangan sesuatu mad itu tidak terkeluar daripada apa yang telah diputuskan oleh para *qurra'* sebagai bacaan yang *mutawatirah*. Namun begitu berlaku kekeliruan dalam kalangan masyarakat Islam khususnya di Malaysia tentang kefahaman yang sebenar berkaitan dengan teori hukum *mad far'i*. Hal ini demikian kefahaman terhadap teori tersebut hanya bergantung kepada kefahaman riwayat Hafs bin Sulayman al-Kufi sahaja sedangkan kefahaman yang sebenarnya perlu meliputi keseluruhan *ikhtiyar* imam yang *mutawatirah*. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk menyingkap kefahaman yang tepat mengenai teori hukum *mad far'i* berdasarkan *ikhtiyar* kesemua imam yang *mutawatirah*. Ia juga bertujuan memperlihatkan secara umum bahawasanya

kefahaman tentang ilmu tajwid itu perlu selari dengan kefahaman ilmu *qiraat*. Kajian berbentuk diskriptif ini membahaskan pandangan para qurra berkaitan hukum *mad far'i* serta kesimpulannya yang menatijahkan teori hukum tersebut. Semua data dianalisis menggunakan metode induktif dan deduktif. Hasil kajian menunjukkan bahawa kefahaman sebenar tentang teori *mad far'i* memerlukan kefahaman yang menyeluruh terhadap *ikhtiyar* para imam yang *mutawatirah* terhadap pemanjangan *mad far'i* itu sendiri. Jikalau teori ini hanya disandarkan kepada pemanjangan *mad far'i* berdasarkan riwayat Hafs bin Sulayman al-Kufi sahaja, ia akan membantutkan kefahaman yang sebenar tentang ruang lingkup riwayat Hafs bin Sulayman al-Kufi khasnya dan kesemua bacaan al-Qur'an yang *mutawatirah* amnya.

Kata kunci: Mad Far'i, Qiraat, Mutawatirah, al-Quran, Ilmu Tajwid

Cite as: Felza Zulhibri Abd Hamid & Nor Hafizi Yusof. 2018. Pendekatan Terapi Psikospiritual Islam di Kalangan Pelajar Wanita: Satu Tinjauan di UiTM Pahang, Kampus Jengka. Punca-punca Keganasan Terhadap Wanita Di Tempat Awam: Kajian di Kuala Lumpur. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 16(1): 57-68.

PENDAHULUAN

Untuk melahirkan golongan yang ahli dalam sesuatu ilmu perlulah golongan tersebut mendalami sesuatu ilmu sehingga ke akar umbi. Dengan ini juga secara tidak langsung sesuatu ilmu itu telah mewujudkan satu garis panduan yang dipersetujui oleh ahlinya agar ilmu itu tidak sewenang-wenangnya diperkatakan oleh mereka yang bukan ahlinya. Rasulullah SAW (al-Bayhaqi, 2003) berkata:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ إِذْ عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يُتَّقِنَهُ

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah menyukai amalan seseorang itu yang mana amalannya dilakukan secara bersungguh-sungguh."

Selari dengan objektif kajian ini yang hasilnya diharap dapat menjadi pemangkin dalam usaha untuk membina kemantapan pengetahuan dalam kalangan umat Islam khususnya kepada mereka yang bertanggungjawab dalam mengajar bacaan riwayat Hafs bin Sulayman al-Kufi. Justeru mereka sepatutnya tidak boleh berpuas hati dengan pengetahuan setakat tahap bacaan riwayat ini sahaja. Mereka juga perlu mendalami kefahaman bacaan riwayat yang lain agar dapat menjadi rujukan yang mantap lagi diyakini.

Apabila mereka yang dipertanggungjawabkan ini hanya bergantung kepada tahap kefahaman bacaan riwayat Hafs sahaja, maka dikhuatiri mereka tidak mampu menjelaskan permasalahan yang melibatkan kefahaman teori tajwid yang kadang-kala melibatkan kefahaman riwayat-riwayat yang lain. Justeru kefahaman terhadap kajian ini dapat membantu para guru al-Quran agar tidak terkeliru dalam memahami teori hukum *mad far'i* ini, sekaligus dapat menerangkan kepada masyarakat berdasarkan maklumat yang tepat.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kefahaman sesetengah pengajar al-Quran yang terlibat dalam pengajaran ilmu tajwid kadang-kadang terlalu bergantung kepada maklumat yang hanya berkisar kepada riwayat Hafs bin Sulayman al-Kufi di bawah aliran *tariq al-Shatibiyyah*. Perkara ini jelas terbukti berdasarkan mushaf-mushaf yang ada di Malaysia adalah mengikut riwayat Hafs. Hal ini boleh dirujuk pada pengenalan mengenai mushaf rasm Uthmani pada setiap mushaf yang telah diluluskan oleh Kementerian dalam Negeri (KDN). Begitu juga dengan pembelajaran ilmu tajwid serta buku-buku tajwid yang menjadi rujukan bagi silibus pembelajaran di sekolah-sekolah adalah mengikut riwayat Hafs. Malah pertandingan Musabaqah al-Quran yang melibatkan tilawah mahupun hafazan kesemuanya ditetapkan di bawah riwayat Hafs. Menurut kata ‘Aytani (1998), riwayat ini merupakan *ikhtiyar* yang dominan bagi 95% masyarakat Islam dunia termasuklah Malaysia yang secara khususnya membaca riwayat ini berdasarkan *tariq al-Shatibiyyah*. *Ikhtiyar* yang dimaksudkan ialah pilihan bacaan daripada imam qiraat yang diakui *mutawatirah* yang menjadi ikutan kepada umat Islam. Walau bagaimanapun, sekiranya pengajar al-Quran hanya bergantung sepenuhnya dengan *tariq* ini sahaja, dikhuatiri kefahaman terhadap beberapa perkara akan tersasar daripada yang sebenarnya.

Antara perkara yang akan terjejas ialah kefahaman teori hukum *mad far’i*. Hal ini disebabkan teori yang melibatkan hukum wajib, *ja’iz* dan lazim ini memerlukan kefahaman yang menyeluruh terhadap kesemua riwayat yang *mutawatirah*. Ia sama sekali tidak boleh disandarkan hanya kepada riwayat Hafs sahaja sepertimana yang telah digambarkan oleh sebahagian buku-buku tajwid tempatan yang sekaligus mengundang kefahaman yang kurang tepat terhadap teori ini.

Sebagai contoh kenyataan dalam buku Tajwid al-Quran Rasm Uthmani (‘Abdul Qadir, 2016) yang menyebutkan “Ia juga dinamakan *mad wajib* kerana ulama’ qurra’ telah bersepakat memadkannya lebih daripada *mad asli* iaitu empat, lima atau enam harakat”. Sedangkan yang sebetulnya adalah tiga, empat, lima dan enam harakat (secara *mad*). Hal ini demikian kerana terlalu terkongkong dengan kefahaman *tariq al-Shatibiyyah* yang permulaan pemanjangannya bagi *muttasil* ialah empat harakat sehinggakan menutup kefahaman yang sebenar, iaitu yang dikatakan atas daripada dua harakat itu bermula dengan tiga harakat.

Justeru kajian ini dilakukan untuk memperjelaskan teori hukum *mad far’i* dari perspektif ilmu qiraat kepada para pengajar al-Quran agar dapat memperbetulkan penjelasan mereka kepada masyarakat sekaligus membuka ruang pemikiran mereka terhadap perlunya perbahasan ilmu tajwid itu bertepatan dengan ilmu qiraat.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilakukan bagi menjelaskan beberapa perkara berikut:

1. Mengkaji teori hukum *mad far’i* dari perspektif ilmu *qiraat*.
2. Membahas *ikhtiyar* semua imam yang *mutawatirah* terhadap teori ini.
3. Menjelaskan keperluan kefahaman ilmu qiraat dalam memahami ketepatan fakta ilmu tajwid.

MAD DAN QASR BERDASARKAN ILMU QIRAAT

Sebelum membicarakan teori hukum mad *far'i*, perlu dijelaskan tentang pengertian *mad* dan *qasr*. Pengertian *mad* dan *qasr* ini adalah bersifat umum terhadap semua qiraat yang ada dan sudah pasti bagi mereka yang ingin mendalami kedua-dua bab ini perlulah memiliki pengetahuan serba sedikit tentang ilmu qiraat agar kefahaman mereka tidak tersasar daripada yang sebenar.

Oleh itu, bagi mereka yang terlibat dalam pengajaran bacaan al-Quran seharusnya tidak boleh berpuas hati dengan sekadar mengetahui ilmu bacaan riwayat Hafs sahaja. Hal ini dibimbangi secara tidak sengaja boleh menyebabkan mereka tersilap tersilap mengajar khususnya melibatkan pengajaran bab mad kerana bab ini memerlukan pengetahuan tentang kesemua bacaan imam yang *mutawatirah*.

Perihal *mad* dan *qasr* ini boleh dikhususkan mengikut qira'at, riwayat dan *turuq* tertentu hanya kepada perkara yang melibatkan kadar harakat pemanjangan sesuatu hukum sepertimana yang terdapat dalam buku-buku tajwid tempatan. Selain itu, ia perlu dibincangkan secara umum melibatkan kesemua imam. Al-Banna (1987) mengulas permasalahan ini dengan mengatakan “yang dimaksudkan sebagai *mad* ialah *far'i*, iaitu tambahan pemanjangan daripada *mad asli* seperti kata al-Shatibi (1996):

إِذَا أَلِفٌ أَوْ يَاءُهَا بَعْدَ كَسْرَةٍ * أَوْ الْوَاوُ عَنْ ضَمٍّ لَقِيَ الْهَمْزَ طَوَّلَا

Maksudnya: “Apabila huruf alif (sebelumnya fatġah) atau ya' (sebelumnya kasrah) atau waw sebelumnya dommah berjumpa hamzah, maka dipanjangkan bacaan”.

Manakala *qasr* pula bermaksud meninggalkan pemanjangan tambahan tersebut.

Rumusan daripada kefahaman pengertian tersebut, secara peribadinya penulis berpendapat:

- i. Apabila dikatakan *mad*, ia merujuk kepada mad *far'i* yang mana istilah ini biasa digunakan bagi menggambarkan pemanjangan tambahan yang menuntut kepada penglibatan huruf hamzah atau huruf yang *sakin*. Ini termasuk *mad badal*, meskipun ia dibaca dengan dua harakat di sisi riwayat Hafs serta kebanyakan imam. Bagi sesuatu hukum pemanjangan yang tidak ada penglibatan huruf hamzah atau huruf yang *sakin* tidak termasuk dalam pengertian ini walaupun ia dinamakan dengan mad seperti *mad asli* atau *mad tabi'i*.
- ii. Apabila dikatakan *qasr*, ia merujuk kepada mana-mana hukum bacaan yang meninggalkan pemanjangan tambahan tersebut, iaitu dibaca dengan dua harakat sahaja tanpa tambahan, walaupun hukum tersebut dinamakan dengan mad seperti *mad asli* atau *mad tabi'i*. Termasuk juga daripada bahagian mad *far'i* yang dihukumkan harus seperti *mad badal*. Ini melibatkan semua imam yang memilih untuk membaca dua harakat kecuali riwayat Warsh. Juga *mad munfaġil* (melibatkan imam yang memilih untuk membaca dua harakat pada *munfaġil*), *mad lin* (melibatkan bacaan semua imam yang memilih untuk membaca dua harakat ketika waqaf), *mad silah kubra* (melibatkan imam yang memilih untuk membaca dua harakat pada *mad munfaġil* kerana pemanjangan pada

mad silah kubra secara umumnya akan mengikut kadar pemanjangan *mad munfasil*) dan *mad 'arid li al-Sukun* yang melibatkan bacaan semua imam yang memilih untuk membaca dua harakat ketika waqaf.

Rumusan ini juga secara tidak langsung telah menggambarkan bahawa perkataan *mad* ini meliputi pemanjangan yang mesti bermula daripada tiga harakat dan ke atas, iaitu Melibatkan semua imam yang memilih untuk membaca dua harakat kecuali riwayat Warsy. Manakala *qasr* pula hanya dua harakat.

TEORI HUKUM MAD FAR'I

Apabila disebut *mad far'i*, ia tidak melibatkan perbincangan *mad asli* kerana *mad asli* hukumnya wajib dua harakat berdasarkan penamaan terhadap *mad* itu sendiri. Teori ini hanya wujud terhadap pemanjangan yang melibatkan pertemuan huruf *mad* sama ada dengan huruf hamzah ataupun huruf yang *sakin*. Teori ini melibatkan tiga hukum, iaitu *wajib*, *ja'iz* dan *lazim* seperti kata Shaykh Sulayman al-Jamzuri (al-Dabba', 1997):

لِلْمَدِّ أَحْكَامٌ ثَلَاثَةٌ تَدْوِمٌ * وَهِيَ الْوَجْبُ وَالْجَوَزُ وَالزُّمُّ

Maksudnya: "Bagi *mad* ada tiga hukum iaitu *wajib*, *ja'iz* dan *lazim*".

Wajib

Wajib di sini bermaksud mesti membacanya dengan *mad*. Membaca dengan *mad* pula bermaksud pemanjangan itu mesti melebihi dua harakat iaitu tiga ke enam harakat oleh *jumhur ulama* secara *ittifaq* (al-Banna, 1987). Ini kerana hukum ini pula hanya eksklusif bagi *mad muttasil* sahaja seperti yang disebutkan oleh Shaykh Sulayman al-Jamzuri (al-Dabba', 1997) :

فَوَاجِبٌ إِنْ جَاءَ هَمْزٌ بَعْدَ مَدٍّ * فِي كَلِمَةٍ وَذَا بِمُتَّصِلٍ يُعَدُّ

Maksudnya: "Sekiranya datang hamzah selepas huruf *mad* dalam satu kalimah ianya dikira *muttasil*..."

Mad Muttasil

Mad muttasil adalah satu-satunya kumpulan *mad far'i* yang wajib hukumnya. Pembacaan secara *qasr* adalah dilarang dan dianggap tidak ada nas daripada Rasulullah SAW berdasarkan kajian yang dibuat oleh Ibn al-Jazari RA sehingga beliau mengatakan ('Atiyyah, 1997):

"تَتَّبَعْتُ قَصْرَ الْمُتَّصِلِ فَلَمْ أَجِدْهُ فِي قِرَاءَةٍ صَاحِحَةٍ، وَلَا شَاذَةٍ"

Maksudnya: "Telah aku kaji secara mendalam tentang *qasr* pada *mad muttasil*, tidak langsung aku jumpa bacaan sebegini dalam qira'at yang sah mahupun yang *shadhah*"

Ibn al-Jazari mengukuhkan lagi kajian beliau dengan berkata: “Malah aku lihat nas yang *sahih* daripada hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Mas’ud (al-Tabrani, 1978) ketika seorang lelaki membaca ayat 60 dari surah al-Tawbah:

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ...

Lelaki tersebut membaca *لِلْفُقَرَاءِ* secara *qasr* (pada *mad muttasil*). Maka Ibn Mas’ud berkata: “Bukan begitu yang Rasulullah SAW baca kepada aku”. Lantas ditanya: “Bagaimanakah bacaan yang dibaca oleh baginda kepadamu wahai Abi ‘Abd al-Rahman? Ibn Mas’ud menjawab: “Baginda mengajarku sebegini”:

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ

Beliau membaca secara *mad* (pada *mad muttasil*). Hadith di atas secara umum menyebut pemanjangan *mad muttasil* adalah secara *mad* iaitu melebihi *qasr* (dua harakat) tanpa memperincikan kadar harakat yang khusus.

MAD YANG DIHUKUMKAN WAJIB (MUTTASIL) DARI PERSPEKTIF ILMU QIRAAT

Berdasarkan hadith di atas, dapatlah difahami bahawa secara *tawqifiyyah* (melalui tunjuk ajar dari Rasulullah SAW) *mad muttasil* mesti bertepatan dengan syarak (al-Dabba,, 1997) dipanjangkan melebihi dua harakat dan telah dipersetujui oleh semua *qurra* (Muhaysin, 1993). Walau bagaimanapun, mereka berselisih pendapat pada menentukan kadar harakatnya mengikut *ikhtiyar* masing-masing. Kadar harakat *mad muttasil* yang khusus bagi sesuatu *qira’at*, riwayat mahupun *turuq* bergantung kepada *ikhtiyar* imam yang tertentu dan inilah antara konsep *ikhtiyariyyah* dalam pembacaan al-Quran.

Terdapat imam yang memilih tiga atau empat atau lima harakat dan ada yang memilih enam harakat. Pilihan kadar pemanjangan imam-imam tersebut tetap dianggap *mutawatirah* selagi mana tidak terkeluar dari lingkungan yang telah ditetapkan iaitu melebihi dua harakat hinggalah enam harakat. Berikut disenaraikan *ikhtiyar* para imam terhadap pemanjangan *mad muttasil* di sisi riwayat pembacaan mereka.

- i. **Enam harakat** bagi Hamzah, Warsh daripada tariq al-Azraq dan Ibn Dhakwan daripada tariq al-Akhfash seperti yang disebutkan oleh Ibn al-Jazari (1994):

إِنَّ حَرْفَ مِمِّ قَبْلَ هَمْزٍ طَوَّلَ * جُدُ فِدْ وَمِرْ خُلْفًا

Maksudnya: “Sekiranya selepas huruf *mad* terdapat hamzah dibaca panjang (enam harakat) oleh Warsh, Hamzah (secara qawlan wahidan) dan Ibn Dhakwan secara khilaf.”

- ii. **Lima harakat** bagi ‘Asim. Ibn al-Jazari menyebutkan (1994):

وَقِيلَ دُونَهُمْ نَلْ

Maksudnya: “Dan ada pendapat yang mengatakan lima harakat bagi ‘Asim”.

Menurut Qamhawi (t.t) kalimah **دُوْنَهُمْ** merujuk kepada pengurangan satu tahap daripada tahap yang sebelumnya, iaitu enam ke lima harakat.

- iii. *Empat harakat* bagi Ibn ‘Amir, al-Kisa’i dan Khalaf seperti yang dinyatakan Ibn al-Jazari (1994) :

ثُمَّ كُلُّ رَوَى

Maksudnya: “Kemudian empat harakat bagi Ibn ‘Amir al-Kisa’i dan Khalaf”.

- iv. **Tiga harakat** bagi Qalun, Warsh daripada tariq al-‘Asbahani, Ibn Kathir, Abu ‘Amru, Abu Ja’far dan Ya’qub. Ibn al-Jazari berkata (1994):

فَبَا فِيهِمْ

Maksudnya: “Maka baki imam (yang tidak disebut) memilih tiga harakat”.

KEKELIRUAN FAKTA TENTANG MAKSUD “WAJIB”

Berdasarkan maklumat yang diambil daripada *ikhtiyar* para *qurra'* yang disokong dengan dalil daripada matan Ibn al-Jazari, harakat *mad muttasil* berada dalam lingkungan tiga hingga enam harakat. Fakta ini sekaligus menguatkan makna “wajib” di awal perbincangan tadi iaitu ia adalah satu had pemanjangan bermula daripada tiga harakat dan ke atas, bukannya kadar harakat sesuatu pemanjangan. Ini kerana kadar harakat adalah bergantung kepada *ikhtiyar* para *qurra'* berdasarkan had tersebut yang telah pun dibentangkan sebelum ini.

Kefahaman sebenar tentang makna “wajib” ini sekaligus menafikan pengertian “wajib” dalam sesetengah buku tajwid tempatan yang mengatakan “wajib” bermaksud wajib dipanjangkan *mad muttasil* dengan kadar empat dan lima harakat (Surur, 2007). Kenyataan sedemikian sudah tidak munasabah dengan hakikat yang sebenarnya kerana tidak mungkin pemanjangan yang berstatus wajib mempunyai dua kadar pemanjangan sebagai pilihan.

Kekeliruan ini timbul disebabkan kefahaman kepada makna “wajib” yang merujuk kepada *mad muttasil* itu hanya berlegar di bawah riwayat Hafs sahaja. Jikalau kefahaman tersebut diperluaskan kepada kesemua imam yang *mutawatirah* nescaya kekeliruan ini akan terlerai kerana natijah kepada kefahaman itu akan memperjelaskan bahawa makna “wajib” adalah had pemanjangan, bukan kadar pemanjangan.

Jikalau maksud “wajib” itu dikhususkan kepada kadar pemanjangan kepada sesuatu periwayatan bacaan (riwayat Hafs misalnya), ia akan mengelirukan teori hukum *mad far'i* dan ini sekaligus menyalahi disiplin kefahaman ilmu qiraat yang sepatutnya diutamakan dahulu apabila melibatkan kesahihan maklumat terhadap sesuatu bentuk pembacaan al-Quran.

JA'IZ (HARUS)

Ja'iz atau harus di sini bermaksud pemanjangannya harus dibaca dengan *qasr* (dua) harakat dan dengan *mad* (melebihi dua) harakat (Sabir, 1997). Seperti dalam isu “wajib”, kebanyakan masyarakat masih keliru tentang maksud “harus” kerana mereka menjadikan pengertian ‘harus’ adalah khusus untuk riwayat Hafs sahaja, sedangkan pengertiannya merangkumi semua imam yang ada.

MAD YANG DIHUKUMKAN JA'IZ ATAU HARUS DARI PERSPEKTIF ILMU QIRAAT

Antara mad yang dihukumkan dengan *ja'iz* atau harus ini adalah *mad munfasil*, *badal*, *lin* dan '*arid li al-Sukun* seperti kata Shaykh Sulayman al-Jamzuri (al-Dabba', 1997):

..... إن فُصِلَ * كُلُّ بِكَلِمَةٍ وَهَذَا الْمُنْفَصِلُ
وَمِثْلُ ذَا إِنْ عَرَضَ السُّكُونُ * وَفَقًا كَتَلْعَمُونَ نَسْتَعِينُ
أَوْ قُدِّمَ الْهَمْزُ عَلَى الْمَدِّ وَذَا * بَدَلْ كَأَمْنُوا وَإِيمَانًا خُذَا

Maksudnya: “Sekiranya (*huruf mad dan lamzah*) terpisah kedua-duanya pada kalimah berlainan, itulah *munfa'il*” dan bersamaan (*dengan munfa'il merujuk kepada keharusan mad dan qasr*) sekiranya datangnya *sukun* ketika *waqaf* seperti *تَعْلَمُونَ* dan *نَسْتَعِينُ* ataupun *lamzah* mendahului huruf *mad* ianya dinamakan *badal* seperti *آمَنُوا* dan *إِيمَانًا*”.

Adapun *mad lin* diqiyaskan dengan *mad 'arid li al-sukun*. Justeru adalah menjadi kesalahan jika kita menggelarkan *mad munfa'il* dengan panggilan *mad ja'iz* kerana bukan *mad munfasil* sahaja yang dihukumkan *ja'iz*. Sebaiknya dipanggil dengan *mad munfa'il* sahaja kerana itulah namanya, manakala *ja'iz* adalah hukumnya.

Mengikut kajian penulis terhadap kandungan sebahagian besar kitab qiraat apabila membicarakan tentang bahagian *mad far'i*, pasti menamakan *mad munfasil* dan *mad muttasil*. Perkataan *wajib* dan *ja'iz* akan menyusul kemudian apabila membicarakan hukumnya. Adapun sesetengah tenaga pengajar al-Quran menamakan *mad munfasil* sebagai *mad ja'iz* dan *mad muttasil* sebagai *mad wajib* kerana mengikut kefahaman orang awam yang sudah sebatikan dengan keadaan sebegini. Kefahaman yang sedikit mengelirukan ini akan membuka ruang kepada kesalahan dalam memahami bab mad ini.

Munfa'il

Mad munfasil adalah salah satu bahagian *mad* yang hukumnya harus, iaitu harus dibaca dengan *mad* dan *qasr*. Bermaksud pemanjangan *mad munfasil* ini boleh dipanjangkan melebihi dua harakat (*mad*) ataupun sekadar dua harakat (*qasr*).

Di bawah ini disenaraikan pemanjangan *mad munfasil* di sisi semua imam yang *mutawatirah* sebagai bukti hukum *ja'iz* atau harus bagi *mad* ini bertepatan dengan pengertian harus atau *ja'iz* yang telah diterangkan sebelum ini.

- i. **Dua harakat** bagi Qalun, Hisham, Abu 'Amru, Ya'qub dan Hafs (secara *khilaf*), manakala *qawlan wahidan* bagi Ibn Kathir dan Abu Ja'far seperti kata Ibn al-Jazari (1994):

وَقَصْرُ الْمُنْفَصِلِ * بِنِ لِي جَمًّا عَن خُلُوفِهِمْ دَاعٍ تَمِلُ

Maksudnya: “Dan dibaca secara *qasr* pada *munfa'il* oleh Qalun, Hisham, Abu 'Amru, Ya'qub, Hafs secara *khilaf*, manakala Ibn Kathir dan Abu Ja'far secara *qawlan wahidan*”.

- ii. **Empat harakat** bagi sebahagian imam seperti kata Ibn al-Jazari (1994):

وَعَنْ بَاقِي الْمَلَأِ وَسِطُ

Maksudnya: “Dan baki imam yang lain membaca (muttasil dan munfasil) secara tawassut iaitu empat harakat”.

- iii. **Lima harakat** bagi ‘Asim seperti kata Ibn al-Jazari (1994):

وَقِيلَ دُونَهُمْ نَلْ

Maksudnya: “Dan ada pendapat yang mengatakan lima harakat bagi ‘Asim”.

- iv. **Enam harakat** bagi Hamzah, Warsh daripada tariq al-Azraq dan Ibn Dhakwan daripada tariq al-Akhfash seperti kata Ibn al-Jazari (1994):

إِنَّ حَرْفَ مَدِّ قَبْلَ هَمْزٍ طَوَّلًا * جُدُ فِدْ وَمِرْ خُلْفًا

Maksudnya: “Sekiranya selepas huruf mad terdapat Íamzah dibaca panjang (enam harakat) oleh Warsh, Hamzah (secara qawlan wahidan) dan Ibn Dhakwan secara khilaf”.

Badal

Pemanjangan mad badal juga dihukumkan sebagai harus atau ja'iz seperti kata Shaykh Sulayman al-Jamzuri (al-Dabba', 1997):

أَوْ فَنَّمَ الْهَمْزُ عَلَى الْمَدِّ وَدَا * بَدَلْ كَأَمْنُوا وَإِيمَانًا خُدَا

*Maksudnya: “(had pemanjangannya adalah harus) ataupun Íamzah mendahului huruf mad ianya dinamakan badal seperti *آمُنُوا* dan *إِيمَانًا* ”*

Riwayat Hafs memilih untuk memanjangkan mad badal sekadar dua harakat sahaja dan apabila hanya bergantung di bawah riwayat ini sahaja, masyarakat seolah-olah memahami pemanjangan *mad badal* ini hanya dua harakat dan adalah tidak mungkin mad ini dihukum harus. Tetapi jikalau diperluaskan lagi kefahaman terhadap bacaan para *qurra'* yang lain, pasti akan ditemui bacaan Warsh yang membaca dua, empat dan enam harakat pada *mad badal* seperti kata al-Shatibi (1996):

وَمَا بَعْدَ هَمْزٍ ثَابِتٍ أَوْ مُغَيَّرٍ * فَقَصْرٌ وَقَدْ يُرَوَى لِرِوَيْسٍ مُطَوَّلًا
وَوَسْطُهُ قَوْمٌ... *

Maksudnya: “Dan apa yang selepas hamzah (merujuk kepada huruf mad selepas hamzah) yang thabit atau yang berubah, dibaca dengan qasr dan terdapat riwayat daripada Warsh ianya diisyba”kan. Dan terdapat juga segolongan (daripada riwayat Warsh) yang membaca tawassut”.

Maka dengan kefahaman ini, menguatkan lagi hujah bahawasa teori hukum *mad far'i* adalah bertepatan dengan kefahaman semua imam bukan hanya khusus kepada riwayat Hafs sahaja.

'Arid Li Al-Sukun

Pemanjangan bagi *mad 'arid li al-Sukun* juga termasuk dalam kategori *mad* yang dihukum *ja'iz* atau harus had pemanjangannya seperti kata Shaykh Sulayman al-Jamzuri (al-Dabba', 1997):

وَمِثْلُ ذَا إِنْ عَرَضَ السُّكُونُ * وَفَقًا كَتَعْمَلُونَ نَسْتَعِينُ

Maksudnya: “Dan bersamaan (dengan munfasil merujuk kepada keharusan *mad* dan *qasr*) sekiranya datangnya *sukun* ketika *waqaf* seperti *تَعْلَمُونَ* dan *نَسْتَعِينُ*”.

Ibn al-Jazari (1994) menterjemahkan keharusan tersebut dengan katanya:

كَسَاكِنِ الْوَقْفِ *

Maksudnya: “(dengan tiga wajah iaitu *mad*, *tawassut* dan *qasr*) begitu juga dengan *mad* yang terbentuk dari *sukun* akibat diwaqafkan).

Maka dengan ini terbukti kadar pemanjangan *mad 'arid li al-sukun* di sisi semua imam yang *mutawatirah* adalah bertepatan dengan kefahaman *ja'iz* atau harus.

Lin

Pemanjangan bagi *mad lin* juga termasuk dalam kategori yang dihukum *ja'iz* atau harus had pemanjangannya seperti kata al-Shatibi (1996):

..... * وَعِنْدَ سُكُونِ الْوَقْفِ لِلْكَلِّ أَعْمَالًا
وَعَنْهُمْ سُقُوطُ الْمَدِّ فِيهِ *

Maksudnya: “Dan pada *sukun* yang mendatang kerana *waqaf* (khusus selepas huruf *lin*) kesemua imam mengamalkan *ishba'*” (enam harakat) dan *tawassut* (empat harakat), dan mereka juga menggugurkan *mad* padanya (iaitu membaca juga dengan *qasr*)”.

Oleh itu, dengan pencerahan ini, kadar pemanjangan semua imam bagi *mad lin* juga bertepatan dengan pengertian *ja'iz* atau harus.

KEKELIRUAN FAKTA TENTANG MAKSUD “JA'IZ” ATAU “HARUS”

Setelah dihuraikan kadar *mad* yang dihukumkan *ja'iz* di sisi semua imam qiraat yang *mutawatirah*, maka terserlahlah kekeliruan yang timbul akibat meletakkan kefahaman hukum ini hanya berlegar di bawah riwayat Hafs sahaja.

Masyarakat disalurkan dengan teori yang kurang tepat apabila membicarakan maksud hukum *ja'iz*. Bermula dengan gelaran *ja'iz* tersebut hanya diaplikasikan kepada *munfa'il* sahaja seolah-olah menggambarkan kepada masyarakat hanya *munfa'il* sahaja yang dihukumkan *ja'iz*

sehinggalah kepada kekeliruan menghuraikan makna *ja'iz* itu sendiri.

Seperti yang berlaku kepada pengertian wajib sebelum ini, makna *ja'iz* telah disalah ertikan dan cuba dieksklusifkan hanya kepada riwayat Hafs sahaja. Maka timbullah fakta kurang tepat yang kebiasaannya tercatat di buku-buku tajwid tempatan. Antara fakta tersebut adalah:

- i. *Mad munfasil* hukumnya harus (*ja'iz*), iaitu harus dibaca dengan empat atau lima harakat.
- ii. *Mad 'arid li al-sukun* dan *mad lin* hukumnya harus (*ja'iz*), iaitu harus dibaca dengan dua atau empat atau enam harakat.
- iii. Adapun *mad badal*, daripada kajian penulis, ianya tidak disandarkan pula kepada *ja'iz*. Ini kerana *ikhtiyar* daripada riwayat Hafs hanya dua harakat sahaja.

Fakta-fakta yang telah dibentang tadi terbukti menyalahi maksud hukum *ja'iz* itu sendiri, iaitu *ja'iz* bermaksud had pemanjangan (iaitu boleh dipanjangkan dari dua harakat sehinggalah keenam harakat) bukan kadar pemanjangan kerana kadar pemanjangan adalah berdasarkan *ikhtiyar* imam tertentu.

Lazim

Lazim bermaksud pemanjangan adalah tetap enam harakat tanpa ada pilihan yang lain. Ia melibatkan *mad lĒzim* dan pembahagiannya. Syeikh Sulayman al-Jamzuri (al-Dabba', 1997: 107) menyebutkan:

وَلَا زِمٌ إِنْ السُّكُنُ أَصْلًا * وَصَلًا وَوَقْفًا بَعْدَ مَدِّ طَوَّلًا

Maksudnya: "Mad lazim (terjadi) dengan pemanjangan enam harakat sekiranya terdapat sukun asli ketika waqaf dan wasal selepas huruf mad".

Dalam kajian penulis, tiada kekeliruan dalam memahami teori hukum *mad far'i* yang melibatkan *hukum lazim* kerana *lazim* yang membawa maksud had pemanjangan *mad* yang terlibat mesti enam harakat yang sudah tentu menatijahkan *ikhtiyar* kesemua imam yang *mutawatirah* mestilah enam harakat juga. Walau bagaimanapun, *lazim* tetap diertikan sebagai had pemanjangan walaupun had tersebut bersamaan dengan kadar pemanjangan daripada *ikhtiyar para qurra'*.

KESIMPULAN

Dengan penjelasan yang telah dibuat, terserlah kekeliruan dalam memahami teori hukum *mad far'i*. Sekali imbas kita akan bersetuju dengan kenyataan tersebut, tetapi dari segi kefahaman ilmu qiraat yang sebenar, kenyataan tersebut mungkin tersasar sedikit kerana pengertian kepada teori hukum *mad far'i* tidak boleh dikhususkan kepada imam tertentu. Ia adalah pengertian yang umum terhadap semua *qiraat*. Ini menggambarkan secara dasarnya, apabila membicarakan tentang hukum *mad*, ia hanya melibatkan had pemanjangan sesuatu hukum dan perbahasannya meliputi kesemua imam yang ada. Berlainan pula jika membicarakan tentang jumlah kadar pemanjangan yang mana perbahasannya secara total bersandarkan kepada *ikhtiyar* imam tertentu sahaja.

RUJUKAN

- ‘Abdul Qadir Leong. (2016). *Tajwid al-Quran Rasm Uthmani*. Selangor Darul Ehsan: Sri Saujana Marketing.
- ‘Atiyyah Qabil Nasr. (1997). *Ghayah al-Murid fi ‘Ilm al-Tajwid*. Jeddah: Maktabah Kunuz al-Ma’rifah.
- ‘Aytani, ‘Abd al-Rahman. (1998). *al-Mufad fi ‘Ilm al-Tajwid*. Beirut: Mu’assasah al-Rayyan.
- Al-Banna, Muhammad. (1987). *Ittihaf Fudhala’ al-Bashar*. Beirut: Alam al-Kutub.
- Al-Bayhaqi, Abu Bakr bin Ahmad al-Husayn. (2003). *al-Jam’ li Shu’b al-Iman*. Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- Al-Dabba’, ‘Ali Muhammad. (1997). *Minhah Dhi al-Jalal fi Sharh Tuhfah al-‘Atfal*. Riyadh: Maktabah ‘Adwa’ al-Salaf.
- Al-Jazari, Muhammad b. Muhammad. (1994). *Tayyibah al-Nashr*. Jeddah: Maktabah Dar al-Huda.
- Muhaysin, Muhammad Salim. (1993). *al-Mughni fi Tawjih al-Qira’at al-‘Ashr al-Mutawatirah*. Beirut: Dar al-Jil.
- Sabir Hasan Muhammad. (1997). *‘Umdah al-Bayan fi Tajwid al-Qur’an*. Riyadh: Dar Alam al-Kutub.
- Al-Shatibi, al-Qasim b. Firruh. (1996). *Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani*. Madinah: Maktabah Dar al-Huda.
- Surur Shihabuddin An-Nadawi. (2007). *Ilmu Tajwid Menurut Riwayat Hafs ‘an ‘Asim melalui Toriq asy-Syatibiyyah*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd.
- Al-Tabrani, al-Hafiz Abi al-Qasim. (1978). *al-Mu’jam al-Kabir*. Baghdad: al-Dar al-‘Arabiyyah li al-Taba’ah.